

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN MOHAMAD**

**JAN [ PERMATANG PAUH ]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Tuan Muhammad Fawwaz Bin Mohamad Jan [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan Kerajaan dalam menaik taraf dan menambah baik Program Dana Bantuan dan Transformasi Perkhidmatan Bas Henti-Henti (SBST) yang menghubungkan antara kawasan bandar-bandar utama dengan kawasan luar bandar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-henti (*Stage Bus Service Transformation, SBST*) telah diperkenalkan oleh Kerajaan bermula tahun 2015 dengan objektif untuk menambahbaik liputan dan operasi perkhidmatan bas berhenti-henti agar lebih optimum, efisyen dan boleh diharap. Program SBST turut dirangka bagi memastikan penumpang memperolehi perkhidmatan “myBAS” sepanjang laluan sosial yang dahulunya kurang mendapat perhatian, di samping mengurangkan pertindihan laluan bas agar liputan perkhidmatan tersebut mencapai tahap optimum.
2. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Dewan, program SBST menggunakan model kontrak “*Gross Cost*”, di mana satu (1) Pengendali Rangkaian akan dilantik bagi mengendalikan rangkaian laluan “myBAS”. Kerajaan akan mengawalselia tambang, liputan, tahap perkhidmatan dan piawaian operasi laluan SBST dari aspek ketersediaan, ketepatan masa dan keboleharapan perkhidmatan.
3. Melalui program SBST sedia ada, setiap bas perlu dipasang dengan Sistem Tiket Elektronik yang diintegrasikan dengan sistem pengesanan jejak global (*Global Positioning System, GPS*) untuk tujuan pemantauan operasi. Bermula tahun 2022, perkhidmatan bas berhenti-henti di bawah program SBST telah mengalami evolusi penambahbaikan seiring dengan perkembangan teknologi. Program SBST Johor Bahru yang dilancarkan pada Mac 2022 telah memperkenalkan penggunaan bas elektrik sebanyak 8 buah bas, serta pengenalan sistem pembayaran tanpa tunai (*Cashless Payment System*) melalui platform kad kredit/ debit dan e-dompet serta aplikasi perancang perjalanan di bawah Pengendali Rangkaian yang dilantik.
4. Selain pengaplikasian teknologi yang lebih meluas, Kerajaan juga sedang mengorak langkah untuk memperkenal penggunaan kenderaan atau bas bersaiz lebih kecil, seperti van dan bas mini di bawah program SBST. Penggunaan kenderaan yang lebih kecil akan memudahkan

## **NO. SOALAN: 12**

pergerakan ke kawasan luar bandar yang sukar diakses, selain dapat mengoptimumkan kos operasi lanjutan kos per-kilometer yang lebih rendah dan kekerapan perkhidmatan yang lebih singkat.

5. Selain daripada penambahbaikan mutu perkhidmatan, Kerajaan juga telah memperkenalkan inisiatif penjimatan kos sara hidup rakyat melalui pas perjalanan tanpa had untuk program SBST. Bermula 1 April 2023, Pas Transit myBAS50, iaitu pas perjalanan bernilai RM50 untuk tempoh 30 hari di bawah program SBST Johor Bahru telah dilancarkan. Selanjutnya pada 15 Ogos 2023, Kerajaan telah menawarkan tambang percuma perkhidmatan myBAS di SBST Ipoh, Seremban dan Johor Bahru khusus untuk golongan Orang Kelainan Upaya (OKU), murid sekolah dan warga emas. Kedua-dua inisiatif penjimatan kos ini dalam perancangan untuk diperluas ke program SBST lain kelak.
6. Bagi memastikan liputan perkhidmatan bas berhenti-henti dapat disediakan dengan lebih meluas dan bermutu, Kerajaan juga dalam perancangan untuk memperluas pelaksanaan program SBST ke Kuantan, Kota Bharu dan Kota Setar.

Sekian, terima kasih.